



**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
WISMA LKIM JALAN DESARIA
PULAU MERANTI PUCHONG
SELANGOR**

KENYATAAN SEBUTHARGA

(TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR YANG BERDAFTAR DENGAN CIDB DALAM NEGERI
SELANGOR SAHAJA)

NO. SEBUTHARGA : LKIM: S10/2024

**PROJEK : CADANGAN KERJA-KERJA PENINGKATAN DAN MENAIKTARAF
KEMUDAHAN JETI PENDARATAN IKAN SERTA KERJA-KERJA
BERKAITAN DI JETI LKIM KAMPUNG BARU NELAYAN, SUNGAI
BESAR, SELANGOR**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G2 Kategori B & CE Pengkhususan B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan) DAN CE02 (Pembinaan Jambatan Dan Jeti)** sahaja serta pendaftarannya yang masih lagi sah.
Kebenaran Khas adalah Tidak Dibenarkan.
2. Tuan/puan dinasihatkan untuk memastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup Sebut Harga. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki pihak tuan/puan.
3. Sebut harga ini adalah dibuka melalui Sistem Tenderwizard LKIM secara atas talian. Semua kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini perlu menggunakan Sistem Tenderwizard LKIM ini yang boleh dilayari dilaman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>**. Urusan pertanyaan berkaitan Sistem Tenderwizard LKIM hanya melalui talian **03-80649542 (Puan Noor Hafiezal Binti Awang)** Unit Perolehan LKIM dan waktu urusan Isnin – Jumaat pada jam 9:00 Pagi – 4.00 Petang.
4. Oleh itu, semua kontraktor **DIKEHENDAKI** mendaftar terlebih dahulu secara atas talian bagi mendapatkan id pengguna dan juga kata laluan melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>**.

5. Semua pembekal/kontraktor akan dikenakan **Yuran Pendaftaran** sebanyak **RM180.00** yang perlu dibayar kepada pembekal sistem. Akses ini hanya akan diaktifkan selepas pembekal/kontraktor melengkapkan permohonan secara atas talian dan menjelaskan yuran pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX secara atas talian. Yuran pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun-tahun berikutnya.
6. Taklimat dan Lawatan tapak akan di adakan pada masa, tarikh dan tempat seperti berikut dan kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**. Kontraktor yang gagal berbuat demikian tidak dibenarkan menyertai tawaran sebut harga ini.

Tarikh : 16 MEI 2024 (KHAMIS)
Masa : 12.00 Tengah Hari
Tempat : Pejabat PNK Sungai Besar
No.22A-G, PT 2375,
Jalan PP3,
Pusat Perniagaan Perdana
45300 Sungai Besar Selangor

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, **hanya penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri sesi taklimat/lawatan tapak dan **tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan di dalam sijil tersebut**. Sehubungan dengan itu, Pihak Tuan/Puan adalah **dikehendaki hadir sendiri dengan membawa Kad Pengenalan (penama di dalam sijil PPK/SPKK sahaja), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB di dalam Gred G2 Kategori B & CE, Pengkhususan B04 dan CE02 SAHAJA serta satu (1) salinan untuk simpanan LKIM.**
8. Urusan pertanyaan mengenai lawatan tapak hanya melalui talian **03-80649127 (En. Muhamad Najid Bin Tajuddin)** dan waktu urusan Isnin – Jumaat pada jam 9:00 Pagi – 4.00 Petang.
9. Sebut harga ini akan dijual mulai **16 MEI 2024 sehingga 24 MEI 2024 jam 11.00 pagi** secara **“online”** melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM>** dengan kadar bayaran **RM10.00**.
10. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan **WAJIB** di isi (Key in) dalam Sistem Tenderwizard LKIM secara **“Online”** melalui laman sesawang **<http://www.tenderwizard.my/LKIM> pada atau sebelum **24 MEI 2024 jam 12.00 tengahari**.**
11. **Fi Perkhidmatan sebanyak 0.864% bagi setiap transaksi yang dijana melalui Sistem Tenderwizard LKIM akan dikenakan kepada kontraktor yang dilantik** kepada had maksimum RM 10,368.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM 1.2 Juta. Oleh itu **syarikat dikehendaki mengambilkira Fi Perkhidmatan ini dalam tawaran Sebut Harga yang dikemukakan.**